



Published biannually by:  
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Email: [jurnalhadis@kuis.edu.my](mailto:jurnalhadis@kuis.edu.my)  
Web: [www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/](http://www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/)  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279  
**Vol. 13, No. 26 (December 2023)**

## Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis

### *[Human Identity Development According to the Hadith Perspective]*

(Mariam Abd Majid\*<sup>1</sup>, Nurzatil Ismah Azizan<sup>2</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>3</sup>, , Noor Hafizah Haridi<sup>4</sup>, Noraini Mohamad<sup>5</sup>, Zainab Ismail<sup>6</sup> & Aisyah Humairak Abdul Rahman<sup>7</sup>)

<sup>1</sup>Department of Da'wah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my), 0193501617.

<sup>2</sup>Department of Al Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [nurzatil@kuis.edu.my](mailto:nurzatil@kuis.edu.my), 0134699794.

<sup>3</sup>Department of Da'wah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [aburhamdi@kuis.edu.my](mailto:aburhamdi@kuis.edu.my), 01119070551.

<sup>4</sup>Department of Da'wah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [noorhafizah@kuis.edu.my](mailto:noorhafizah@kuis.edu.my), 0197722701.

<sup>5</sup>Department of Islamic Understanding and Thought, Core Study Center, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my), 0199437458.

<sup>6</sup>Department of Academic and Quality Assurance, Dar al-Hikmah College, 43000, Selangor, Malaysia, [zainab@hikmah.edu.my](mailto:zainab@hikmah.edu.my), 0193924939.

<sup>7</sup>Department of Da'wah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College, 43000, Selangor, Malaysia, [21mt09001@student.kuis.edu.my](mailto:21mt09001@student.kuis.edu.my), 0134504347.

\* Corresponding Author

---

#### **Keywords:**

*Human, Identity,  
Development, Hadith, Islam*

---

#### **ABSTRACT**

*Human development according to Islam is multi-dimensional which includes spiritual and physical aspects. The assessment of development is centered on the concept of monotheism, which is Allah SWT as the absolute owner and man as the caliph who is responsible for developing the universe based on the Quran and Sunnah. The Prophet SAW was sent to perfect noble morals and he is the best example for every Muslim. This article discusses the development of human identity according to the hadith perspective. Findings are presented through the method of content analysis. Based on the guidance of the Prophet SAW presented through the hadith, the development of a good and quality Muslim identity can be formed, developed and educated through the development of the spiritual and physical aspects of man. This guide can be used by all parties involved in developing human identity in order to be able to act as a caliph on this earth.*

---

#### **Kata Kunci:**

*Pembangunan, Jati Diri,  
Manusia, Hadis, Islam*

---

#### **ABSTRAK**

*Pembangunan diri insan menurut Islam adalah bersifat multi-dimensi yang meliputi aspek spiritual dan fizikal. Penilaian pembangunan*

---

adalah berpusat kepada konsep tauhid iaitu Allah SWT sebagai pemilik mutlak dan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab membangunkan alam semesta berlandaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Rasulullah SAW telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia dan baginda adalah contoh teladan yang terbaik bagi setiap Muslim. Artikel ini membincangkan mengenai pembangunan jati diri manusia menurut perspektif hadis. Dapatan dikemukakan menerusi kaedah analisis kandungan. Berasaskan panduan Rasulullah SAW yang dikemukakan melalui hadis, pembangunan jati diri insan muslim yang baik dan berkualiti dapat dibentuk, dibangun serta dididik menerusi pembangunan aspek spiritual dan fizikal manusia. Panduan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam membangun jati diri insan agar dapat berperanan sebagai khalifah di muka bumi ini.

---

Received: September 30, 2023

Accepted: October 31, 2023

Online Published: December 31, 2023

## 1. Pendahuluan

Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia yang berkualiti. Konsep pembangunan insan berkualiti dalam Islam adalah unik kerana ia menggabungkan aspek spiritual dan fizikal, dunia dan akhirat (Wan Suhaimi, 2008). Falsafah Islam merupakan satu dari ciri keilmuan dan tamadun Islam yang tidak ketinggalan dalam menyumbang dan mengemukakan pendekatan tersendiri berkaitan pembangunan modal insan. Fokus topik manusia adalah satu dari cabang besar falsafah, di samping topik berkaitan Tuhan dan alam (Nik Safiah et. al., 2015). Menurut Wan Suhaimi (2008), setiap aspek ajaran Islam, sama ada akidah, fikah dan tasawuf menekankan pembangunan manusia yang seimbang.

Pengaruh dan kekuatan akhlak dalam Islam adalah luas terutama berkaitan pembentukan tamadun dalam masyarakat. Kegemilangan sesuatu peradaban atau tamadun boleh dilihat dalam pelbagai aspek namun kebiasaan penilaian kekuatan sesuatu peradaban atau tamadun dalam sejarah manusia cenderung dilihat dari sudut kebendaan atau kekuatan fizikal semata-mata (Che Haslina, 2013). Ketamadunan masyarakat yang sejahtera bermula dari pembangunan kemanusiaan dalam aspek spiritual dan fizikal diri yang seimbang (Nor Sahida & Sanep, 2013). Kekuatan aspek pembangunan spiritual sesuatu peradaban atau tamadun ditunjangi oleh keutuhan jati diri ummah sekali gus menjadi tunggak kegemilangan sesuatu peradaban atau tamadun (Hafiz, 2019). Perbincangan mengenai pembangunan jati diri insan ini adalah perkara pokok kepada setiap permasalahan ummah dari zaman silam sehinggalah sekarang. Menurut Muhd Hilmi & Mohd Yusof (2017), usaha pembangunan jati diri manusia merupakan agenda penting yang perlu diberi perhatian setiap keadaan. Ini kerana masa hadapan kehidupan penduduk di muka bumi ini bergantung kepada impak perbuatan manusia itu sendiri. Manusia yang memiliki jati diri yang baik, mentadbir bumi ke arah kebaikan, sebaliknya bumi akan rosak jika ditadbir oleh manusia yang tidak jati diri yang baik.

Al-Quran telah menjelaskan pelbagai panduan asas bagi pembentukan jati diri insan manakala hadis Rasulullah SAW memberi perincian terhadap pelaksanaannya. Kepentingan meneroka hadis Nabi SAW sangat relevan dalam pembentukan dan pembangunan jati diri insan menurut perspektif Islam sejajar dengan kedudukan hadis sebagai sumber kedua dalam Islam selepas al-Quran. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengemukakan aspek pembangunan jati diri insan menurut perspektif hadis.

## 2. Metodologi

Metode dokumentasi digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat kajian ini (Farisha, Berhanundin & Mohd Safri, 2020). Dapatan yang dikemukakan dalam artikel ini diperolehi daripada dokumen antaranya artikel, buku, kitab hadis serta kajian ilmiah. Dapatan yang dikemukakan dalam artikel ini diperolehi menerusi metode analisis kandungan.

### 3. Kaedah Pembangunan Jati Diri Insan

Jati diri atau *huwiyah* bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Ahmad Mohamad Said, 2009). Menurut Wan Mohamad (2010), jati diri merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau yang asli dimiliki oleh seseorang yang bukan hanya dapat dilihat secara fizikal tetapi turut meliputi nilai-nilai spiritual yang menjadi pegangan individu. Jati diri turut merujuk kepada identiti diri yang masih kukuh berpegang dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara (Zakaria et. al., 2012).

Istilah jati diri diambil daripada dua perkataan, iaitu ‘jati’ dan ‘diri’. ‘Jati’ bermaksud asli, murni, tulen atau tidak bercampur dengan unsur lain, manakala perkataan ‘diri’ ialah seseorang atau tuan badan. Gabungan istilah jati dan diri membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Dari segi istilah, ia adalah satu ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama. Sifat atau ciri ini menjadi teras dalam pembentukan sahsiah dan menjadi lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Istilah jati diri banyak digunakan untuk menggambarkan tentang kecintaan seseorang kepada negara, semangat patriotisme yang wujud dalam diri dan penghayatan agama dalam kehidupan seharian (Zakaria et.al, 2012). Makna jati diri sesebuah bangsa dijelaskan oleh Abdullah (2009) sebagai ciri-ciri yang membezakan antara satu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain serta rasa semangat kekitaan individu dalam kumpulan itu (Adibah et. al., 2020).

Penyelesaian bagi isu kemerosotan akhlak adalah dengan mengembalikan manusia untuk memiliki jati diri yang kukuh, kembali menghayati ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah serta mencontohi Rasulullah SAW dan para sahabat (Muhammad Afif et. al., 2019). Seseorang insan tidak berupaya muncul dengan kehebatan tanpa berpegang dengan ajaran Islam. Ini kerana Islam adalah jantung yang mencatur cara hidup kehidupan insan. Ajaran Islam telah diterjemahkan dalam pengurusan dan kepimpinan yang cemerlang dan dikagumi apabila berkemampuan mengurus dua pertiga daripada muka bumi pada zaman kegemilangan Islam pada suatu ketika dahulu. Namun, fenomena hari ini menyaksikan bahawa akhlak semakin direndahkan dan jati diri sebahagian masyarakat semakin rapuh. Sifat jujur dan amanah semakin menipis sehingga mengakibatkan amalan penipuan, rasuah dan salah guna kuasa semakin berleluasa (Mazlina, 2018). Menurut Fakhru Adabi et al., (2017), implikasi faktor jati diri individu yang berkualiti melahirkan sebuah tamadun yang gemilang pada era itu seperti tamadun-tamadun awal Islam di Madinah, Bani Umayyah di Damsyik dan Andalus serta Bani Abassiyah di Baghdad yang memiliki modal insan yang digarap daripada al-Quran (Muhammad Afif et. al., 2019). Generasi ummah pada hari ini tidak berjaya dibangunkan jika tidak merujuk kepada kehebatan sejarah generasi silam yang meletakkan Islam sebagai manhaj hidup untuk berjaya.

Setiap insan perlu membuat satu perubahan dalam diri jika ingin membangun ke arah kesempurnaan. Insan perlu membebaskan dan meninggalkan hubungan dengan tekanan falsafah hidup serta pemikiran yang tiada hubungan dengan Islam sekaligus tidak dapat membangun manusiawi (Fakhru Adabi et. al., 2017). Ajaran Islam diturunkan untuk memenuhi fitrah dan memandu semua aktiviti manusia dalam kehidupan seperti tidur, makan, minum, bermain, bermesyuarat, berkasih sayang, berhibur dan seumpamanya. Bukti kesempurnaan ajaran Islam telah dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 3:

﴿... الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ... ۝۳﴾

Maksudnya:

“...Pada hari ini, Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu...”

Ayat ini menunjukkan bahawa nikmat yang paling besar kurniaan Allah SWT kepada umat manusia ialah Allah SWT menyempurnakan agama mereka sehingga mereka tidak memerlukan agama yang lain lagi dan juga tidak perlu kepada nabi lain lagi selain Nabi Muhammad SAW. Allah SWT menjadikan nabi mereka sebagai penutup

para nabi dan mengutuskannya kepada manusia dan jin. Meredai Islam sebagai agama kerana Islam agama yang dicintai dan diredai oleh Allah SWT (Ibn Kathir, 2007)

Kesempurnaan ajaran Islam menjadi panduan untuk membangunkan diri manusia. Setiap insan perlu mempelajari dan memahami ajaran Islam yang disampaikan menerusi Rasulullah saw kerana usaha pembinaan manusia dipengaruhi oleh penguasaan ilmu. Rasulullah SAW menyampaikan ajaran Islam menerusi sesi perjumpaan dan pengajian secara berkala bermula di rumah Arqam bin Abi Arqam. Pengajaran yang diterapkan oleh baginda di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam ialah ilmu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga aspek ilmu ini sangat penting dan menjadi asas utama bagi umat manusia menjalani kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Kemantapan ilmu yang dimiliki oleh seseorang manusia berupaya membentuk jiwa dan jati diri yang baik. Ilmu-ilmu yang diajarkan oleh baginda SAW ini menjadi benteng yang kukuh kepada kaum muslimin pada ketika itu untuk mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Jumlah bilangan kaum muslimin pada ketika itu sangat sedikit tetapi berkualiti. Pengisian ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW ini telah membentuk jati diri para sahabat sehingga membuahkan jati diri yang mantap berteraskan keimanan. Bilal bin Rabbah dan Sumayyah adalah antara contoh insan yang memiliki jati diri Islam yang kukuh apabila syahid disiksa kerana mempertahankan kaulatan agama Islam. Ini merupakan bukti jelas kekukuhan jati diri para sahabat didikan Rasulullah SAW yang memiliki kemantapan iman (Sofiy al-Rahman, 2014). Rasulullah SAW memberi panduan kepada para sahabat berkaitan indikator keimanan terhadap Allah SWT menerusi hadis baginda SAW berikut:

أَنَّ عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَانَ شَهِدَ بَدْرًا وَهُوَ أَحَدُ التُّقَبَاءِ لَيْلَةَ الْعَقَبَةِ  
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ بَايَعُونِي عَلَى أَنْ  
لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرِقُوا وَلَا تَزْنُوا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ وَلَا تَأْتُوا بُهْتَانٍ تَفْتَرُونَهُ  
بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَمَنْ  
أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا  
ثُمَّ سَتَرَهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عَاقَبَهُ فَبَايَعْنَاهُ عَلَى ذَلِكَ .

[Abi Abdullah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhari. Sahih Bukhārī, Kitab al-Imān, Bāb A'lamātul Imān Hub al-Anṣār, no. hadis 18]

Maksudnya:

“Dari Ubadah bin Shamit radhiyallahu 'anhu -salah seorang yang mengikuti perang Badar dan salah seorang utusan dalam pertemuan 'Aqabah bahwa Rasulullah SAW sedang dikelilingi oleh, para sahabatnya dan beliau bersabda, "Berbaiatlah (berjanji) kalian semua kepadaku untuk: 1- Tidak mempersekutukan Allah dengan suatu apapun, 2- Tidak mencuri, 3- Tidak berzina, 4- Tidak membunuh anak-anakmu, 5- Tidak membuat fitnah di antara kalian, 6- Tidak durhaka terhadap perintah kebaikan. Barang siapa yang menepati perjanjian itu maka ia akan diberi pahala oleh Allah dan barangsiapa yang melanggar salah satu dari perjanjian itu, maka ia akan dihukum di dunia ini. Hukuman itu menjadi kaffarah (tebusan) baginya, dan barang siapa yang melanggar salah satunya kemudian ditutup oleh Allah, maka perkaranya terserah kepada Allah. Jika Dia berkehendak untuk mengampuninya, maka akan diampuni dan jika Dia berkehendak untuk menghukumnya, maka Dia akan menghukumnya”.

Hadis ini menjelaskan larangan-larangan Allah SWT iaitu tidak mempersekutukan Allah SWT, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak, tidak membuat fitnah sesama

manusia dan tidak durhaka terhadap perintah kebaikan. Seseorang yang memiliki keimanan terhadap Allah SWT dan Rasulullah SWT dapat melindungi diri dari terjebak dengan larangan Allah SWT serta memiliki tingkah laku yang mulia. Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا  
وَخَيْرًاكُمْ خَيْرًاكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا

[Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmidhi, Kitāb al-Riḍā, Bāb Mā Jā'a fī Ḥaq al-Mar'at 'alā Zawjihā, hadis nombor 1162, Ḥasan Ṣaḥīḥ]

Maksudnya:

*Daripada Abu Hurairah RA telah berkata berkata: Rasulullah SAW telah bersabda bersabda: “Kaum mukminin yang paling baik imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Dan yang terbaik daripada kalangan kamu adalah yang paling baik akhlaknya kepada para wanita (isteri)nya”.*

Hadis ini menjelaskan hubungan keimanan dengan akhlak perbuatan yang baik. Faktor keimanan adalah antara aspek paling utama dan dominan sebagai teras dalam pembentukan jati diri insan. Rasulullah SAW berperanan sebagai agen pembangunan manusia bagi melahirkan insan kamil meliputi aspek jasmani, rohani, emosi dan fizikal menerusi kaedah pembacaan ayat suci al-Quran, membersihkan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) dan mengajarkan al-Quran dan al-Sunnah (*ta'lim al-kitāb* dan hikmah) (Zuridan, 2010). Perkara ini berbeza dengan nilai falsafah Barat yang melihat pembangunan hanya dari aspek fizikal tanpa aspek ketuhanan dan kerohanian, sedangkan hubungan vertikal antara Allah SWT dengan manusia sebagai hamba-Nya akan mencorakkan hubungan horizontal iaitu sosial sesama manusia yang lain (Mohd Fauzi, 2012). Hubungan yang terbentuk ini melahirkan keseimbangan dalam pembangunan yang memenuhi tuntutan jasmani (dunia) dan rohani (akhirat) (Fairus, 2014).

Menurut Al-Ghazālī (1997), pembangunan aspek spiritual dan fizikal perlu diseimbangkan kerana komponen roh dan jasad saling bergantung bagi membentuk hakikat kemanusiaan (Nik Azis, 2007). Konsep personaliti dalam al-Quran lebih memberi tumpuan kepada pembangunan aspek spiritual berbanding fizikal dalam melahirkan insan kamil. Aspek spiritual terbentuk daripada empat unsur iaitu *al-qalb*, *al-nafs*, *al-rūḥ* dan *al-'aql*. Matlamat penciptaan manusia adalah untuk pengabdian diri kepada Allah SWT meliputi niat dan setiap perbuatan. Perutusan setiap nabi dan rasul ke dunia adalah sebagai petunjuk dalam kehidupan manusia di dunia. Ujian ke atas manusia dalam bentuk godaan syaitan dan sifat pelupa perlu diatasi kerana kedua-duanya merupakan kelemahan manusia yang jelas, serta tahap kekuatan iman bergantung kepada tingkatan nafsu yang dimiliki oleh seseorang manusia, iaitu *nafs al-ammārah*, *nafs al-lawwāmah* dan *nafs al-muṭma'innah* (Noor Shakirah, 2002). Nabi SAW bersabda:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِأَمْرِي مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ  
امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

[Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj, Ṣaḥīḥ al-Muslim, Kitāb Al-Imarah, Bab Qaul Ṣalla Allah 'alaih Wasalam (Innamā al-A'māl bi al-Niyyat), no. hadis 1907]

Maksudnya:

*“Daripada Amirul Mukminin 'Umar ibn al-Katthab r.a. beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya*

*kepada Allah dan RasulNya. Siapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang ingin dikahwininya, maka hijrahnya mendapat perkara yang dikehendakinya itu”*

Peristiwa hijrah ke Madinah adalah proses perkembangan produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya. Al-Bāhī (1986) berpandangan peristiwa hijrah merupakan satu proses untuk membangun jati diri. Rasulullah SAW berjaya meyakinkan umat Islam untuk tindakan melaksanakan hijrah tersebut walaupun terpaksa menghadapi halangan dan ujian berhijrah berasaskan dua pendekatan utama iaitu:

- a) Menyucikan manusia daripada sebarang bentuk syirik seperti penyembahan berhala, membebaskan mereka daripada sikap jahiliah kepada pengamalan Islam yang diredai Allah SWT.
- b) Mendidik manusia agar mempunyai prinsip yang jelas terhadap Islam meliputi akhlak, ekonomi, politik, sistem kehidupan yang menghubungkan manusia dengan Allah SWT juga sesama insan berpaksikan acuan agama Islam.

Kepincangan masyarakat hari ini dapat disuburkan melalui pembangunan jati diri insan. Pembangunan spiritual dapat membina jati diri manusia yang unggul melalui pemeliharaan hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia serta manusia dengan alam sekitar. Menurut al-Ghazālī (2002), manusia ibarat sebatang pokok dengan akarnya akidah, batangnya ialah kefardhuhan dan daun-daunnya pula ialah amalan sunat, maka buah atau bunganya ialah yang dikatakan akhlak. Ajaran Islam menjadi teras panduan bagi manusia sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ  
وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

[Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj, Sahih al-Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān anna al-Dīn al-Naṣīḥat, hadis nombor 55]

Maksudnya:

*“Daripada Tamīm al-Dārī RA bahawa Nabi SAW telah bersabda: “Agama adalah nasihat.” Kami bertanya: “Untuk siapa? Baginda SAW menjawab: “Bagi Allah SWT, Kitab-Nya, Rasul-Nya, dan bagi pemimpin-pemimpin kaum muslimin serta bagi umat Islam umumnya”.*

Pembentukan jati diri insan bermaksud menyempurnakan agama Islam dalam diri individu. Kejayaan iman melambangkan kepercayaan, kejayaan ibadah melambangkan kepatuhan atau ketundukan, manakala kejayaan akhlak melambangkan kepatuhan tabiat dan kebiasaan (Abd Halim Tamuri, 2007). Terdapat tiga pembahagian utama ilmu pengajaran akhlak Islam, iaitu: (1) Suruhan yang mesti dilakukan dengan tegahan yang mesti ditinggalkan iaitu wajib dan haram; (2) Suruhan yang sangat patut dilakukan dan tegahan yang sangat baik ditinggalkan iaitu sunat dan makruh; dan (3) Sesuatu yang boleh dibuat dan yang boleh ditinggalkan iaitu harus (Masuriyati, 2017).

Insan yang memiliki tingkah laku mulia merupakan antara indikator kemantapan jati diri yang dimiliki oleh seseorang. Gambaran jati diri Muslim dinyatakan oleh Fathi (2004) iaitu seorang yang Muslim dari aspek akidah adalah mereka yang menjadikan keimanan dan kecintaan kepada Allah SWT sebagai paksi sehingga sentiasa bertawakkal kepada Allah SWT dalam semua urusan, bersyukur kepada semua nikmat dari-Nya dan merasai kebersamaan Allah SWT dalam semua gerak lakunya.

### 3.1 Pembangunan Spiritual Menurut Hadis

Pembangunan spiritual merupakan nadi terhadap kekentalan jati diri seseorang manusia. *Al-qalb* merupakan antara elemen *al-nafs* manusia secara khusus dan elemen spiritual secara amnya. Hadis Rasulullah SAW berikut menerangkan berkaitan peranan *al-qalb* terhadap tingkah laku seseorang manusia.

عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ النَّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْحَالُ  
 بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ  
 وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَّاعٍ يَزْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى  
 أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ  
 فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

[Abi Abdullah Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhari, Kitāb al-Īmān, Bāb Faḍl Man Istabra’a li Dīnih, nombor hadis 52]

Maksudnya:

“Daripada Amir ia berkata, aku mendengar al-Nu‘man ibn Bashīr RA berkata: “Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Perkara halal itu telah jelas dan yang haram pun telah jelas. Sedangkan di antaranya ada perkara syubhat (samar-samar) yang kebanyakan manusia tidak mengetahui (hukum)nya. Sesiapa yang mengelak daripada perkara syubhat, maka ia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Dan sesiapa yang jatuh ke dalam perkara yang syubhat, maka ia telah jatuh ke dalam perkara yang haram. Seperti penggembala yang berada di dekat pagar larangan (milik orang) dan dikhawatirkan ia akan masuk ke dalamnya. Ketahuilah, bahawa setiap raja memiliki larangan (undang-undang). Ingatlah bahawa larangan Allah SWT adalah apa yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)”

Menurut al-Nawawi (1989), *al-qalb* mempengaruhi corak kehidupan seseorang manusia. Ia berperanan menggerak, memberhenti dan memperelokkan perbuatan seseorang manusia. Hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat terhadap kebesaran Allah SWT, mematuhi perintah-Nya, menjauhi larangan-Nya serta menjauhi perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Hadis ini menjelaskan bahawa baiknya tingkah laku fizikal seseorang itu bermula dengan baiknya elemen *al-nafs* yang berada dalam diri manusia iaitu *al-qalb*. Nabi SAW menegaskan keperluan menjaga serta memelihara hati atau elemen spiritual untuk mendapatkan peribadi yang baik dan cemerlang (Rosni Wazir & Suriani Sudi, 2015).

Rasulullah SAW sangat menitik beratkan aspek spiritual dalam pentarbiyahan manusia iaitu dengan dengan semaian iman ke dalam hati manusia. Hati manusia yang dipenuhi dengan iman dapat menguatkan hubungan dengan Allah SWT serta melonjakkan kekuatan spiritual dan menghasilkan kekuatan luar biasa yang memberi kesan yang sangat besar terhadap diri. Keadaan aspek spiritual ini membangkitkan kekuatan dan kecergasan sekali gus menyembuhkannya daripada penyakit dan kelemahan (Masuriyati, 2017). Umat Islam perlu sentiasa menguatkan aspek spiritual iaitu dengan menghidupkan iman dalam diri. Ibadah dan zikir menghasilkan kesucian, ketelusan, membebaskan roh insan daripada ikatan duniawi dan material (Najati, 1988). Aspek kekuatan spiritual yang berpaksikan kepada keimanan terhadap Allah SWT menyumbang terhadap kematapan jati diri seseorang manusia.

### 3.2 Pembangunan Fizikal Menurut Hadis

Pembangunan jati diri insan tidak sempurna tanpa mengambilkira aspek pembangunan fizikal. Keseimbangan pembangunan insan berkait rapat dengan pembangunan kedua aspek spiritual dan fizikal. Ini selaras dengan unsur penciptaan diri seseorang manusia yang terdiri dari ruh dan jasad. Pembangunan jasmani atau fizikal penting diberi tumpuan bagi memastikan pembangunan diri yang seimbang. Pembangunan jati diri insan tidak sempurna tanpa pembangunan fizikal manusia. Pembangunan jasmani merupakan salah satu aspek fizikal diri manusia yang perlu diberi perhatian dalam kegiatan harian seseorang termasuk beribadah (Sri Budiman et. al., 2021). Pendidikan jasmani adalah sokongan terhadap pembangunan spiritual seseorang manusia dan saling melengkapi (Kahar, 2018). Jika spiritual manusia sihat tetapi memiliki fizikal yang sakit, manusia tidak dapat menjalani aktiviti kehidupan dengan sempurna. Rasulullah SAW dan kaum muslimin memiliki kekuatan fizikal yang mantap dalam menghadapi peperangan dan perjuangan dakwah membela agama Islam (Sri Budiman et. al., 2021). Aspek fizikal manusia sangat penting untuk dibangunkan agar memperoleh kehidupan yang sejahtera dunia dan akhirat. Kepentingan kekuatan fizikal ini dizahirkan menerusi pepatah Arab iaitu:

العقل السليم في الجسم السليم

“akal yang sihat berada dalam tubuh badan yang sihat.”

Menurut Maimun Aqsha, Siti Hajar & Mohd Azaharin (2019), pembangunan jasmani atau fizikal menjurus kepada aktiviti yang berbentuk kesukanan, kemahiran teknikal dan vokasional serta keusahawanan. Kemahiran-kemahiran fizikal tersebut berupaya membantu seseorang individu menjalani kehidupan yang baik pada masa hadapan. Islam tidak menghadkan aktiviti pembangunan fizikal bagi insan selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Pada zaman Rasulullah SAW, acara olahraga dan aktiviti sukan seperti memanah, berenang dan berkuda dilaksanakan. Nursyahidah et. al. (2020), menyatakan terdapat banyak aktiviti untuk membangunkan fizikal yang boleh dilakukan antaranya aktiviti-aktiviti rekreasi, bersukan, gotong-royong dan senaman. Kesemua aktiviti ini dapat membangunkan fizikal diri manusia dan secara tidak langsung dapat merehatkan minda serta memperoleh tubuh badan yang sihat dan cergas. Di samping itu, aktiviti sukan atau riadah di waktu lapang berupaya mengekal serta memelihara hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak (Muhammad et al. 2021). Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، إِحْرَصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا لَكَانَ كَذَا، فَإِنَّ “لَوْ” تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

[Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj, Sahih al-Muslim, Kitāb al-Qadr, Bāb fil Āmri Bil Qūwwātī watarkil ī jzi wal Iṣtiā'nāti Billāhi Wātāfwiḍḥī al-Mūqāḍḥir Lillah, no. hadis 2664]

Maksudnya:

“Daripada Abi Hurairah, Nabi SAW bersabda: Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah, (namun) pada keduanya ada kebaikan (kerana keimanan keduanya). Bersemangatlah terhadap segala sesuatu yang mendatangkan manfaat untukmu. Mohonlah pertolongan kepada-Nya dan janganlah lemah. Jika engkau tertimpa sesuatu, janganlah engkau katakan, ‘Jikalau aku berbuat ini dan itu, maka tentunya akan begini dan begitu.’ Ini kerana, kata ‘seandainya’ membuka kepada amalan syaitan”.

Hadis Rasulullah SAW ini menerangkan bahawa mukmin yang kuat lebih dikasihi oleh Allah SWT berbanding mukmin yang lemah. Ukuran kekuatan dan kelemahan insan dilihat dari aspek kekuatan spiritual dan fizikal secara seimbang antara keduanya.

Pengambilan makanan adalah antara cara bagi membangunkan aspek fizikal insan. Islam menganjurkan panduan dalam pengambilan makanan iaitu halal, baik dan tidak berlebihan. Hadis berikut menjelaskan kepentingan dan panduan berkaitan pengambilan sumber makanan yang halal. Hadis Rasulullah SAW:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ يَسَارٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا تَصَدَّقَ أَحَدٌ بِصَدَقَةٍ مِنْ طَيِّبٍ وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ إِلَّا أَخَذَهَا الرَّحْمَنُ بِيَمِينِهِ وَإِنْ كَانَتْ تَمْرَةً فَتَرَبُّوْا فِي كَفِّ الرَّحْمَنِ حَتَّى تَكُونَ أَعْظَمَ مِنَ الْجَبَلِ كَمَا يُرِيّ أَحَدُكُمْ فَلَوْهُ أَوْ فَصِيلَهُ

[Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj, Sahih al-Muslim, Kitab a-Zakah, Bāb Qābūl al- Ṣādaqah Mīn al-Kaṣḥbī Ṭhayyibī wa Tarbiyātihā, no. hadis 1014]

Maksudnya:

*Dari Sa'id bin Yassar bahawa dia mendengar Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidaklah seseorang bersedekah sesuatu yang baik, dan Allah tidak akan menerimanya." Kecuali yang baik, melainkan Allah yang Maha Pemurah mengambilnya dengan tangan kanan-Nya, dan jika ia sebutir kurma, maka ia akan tumbuh di tapak tangan Tuhan Yang Maha Pemurah sehingga ia lebih besar daripada gunung, sebagaimana salah seorang di antara kamu membesarkan anak kudanya atau keluarganya.*

Hadis ini menjelaskan berkaitan keutamaan mematuhi panduan syariat dalam pengambilan sumber makanan dan minuman iaitu yang baik dan halal. Pengambilan makanan yang baik dan halal merupakan perkara yang sangat penting bagi memperolehi kehidupan yang sejahtera dunia dan akhirat. Sebaliknya, pengambilan makanan dan minuman yang diharamkan boleh menjejaskan kesihatan manusia (Khairudin, 2020). Selain itu, pengambilan sumber makanan yang haram seperti arak dan dadah boleh menggugat kewarasan akal, sifat kemanusiaan serta fungsi otak (Ana, 2019). Pengambilan arak boleh menyebabkan wujud masalah terutama dalam institusi kekeluargaan. Kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan isteri dan anak-anak, penderaan seksual, kejahatan ekonomi rumah tangga selalu dikaitkan dengan isu sosial dan masalah pergolakan dalam rumah tangga (Fadillah, 2016). Menurut Hatta Sidi et al. (2003), perbuatan merokok, minum arak, penyalahgunaan dadah, makan makanan segera dengan berlebihan, makan makanan berlemak, pengambilan kafein dan gula berlebihan mendatangkan kemudaratan kepada tubuh badan.

Selain itu, Islam juga memberi panduan dalam pemilihan sumber makanan sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ

[Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj, Sahih al-Muslim, Kitab al-Ṣāid wa al-Dhābāih Wa Ma Yu'kal Mīn al-Hayawan, Bāb Ṭahrīm Ākli kul Ḍi Nābīn Mīn al-Saba' wa kul zi mikḥlabīn mīn al-Ṭhāir, no. hadis 1934]

Maksudnya:

“Daripada Ibn Abbas, Rasulullah SAW melarang memakan setiap binatang buas yang bertaring dan setiap jenis burung yang mempunyai kuku untuk mencengkam”.

Hadis ini menerangkan tentang larangan memakan daging binatang buas yang mempunyai taring dan kuku yang keras dan boleh melukakan seperti burung hering (النسر), semua jenis burung helang, *al-saqr* (الصفقر), *al-baz* (الباز), *al-syahin* (الشاهين) dan burung rajawali (العقاب). Implikasi pengambilan makanan yang haram boleh menyumbang terhadap penyakit ekoran kemudharatan yang ada padanya. Fenomena penyakit berjangkit daripada makanan yang bersumberkan binatang yang haram dimakan seperti khinzir boleh mendatangkan penyakit sebagaimana yang pernah berlaku di Malaysia iaitu serangan Virus Nipah di Bandar Ipoh, Perak dan Negeri Sembilan. Wabak epidemik ini telah menyebabkan 265 kes keradangan otak dan 105 kematian (Brenda et. al, 2018). Kandungan hadis yang dikemukakan ini jelas menunjukkan panduan larangan dan hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT berkaitan penjagaan aspek fizikal seseorang insan seperti larangan pengambilan makanan yang haram menunjukkan Islam menitikberatkan pembangunan kesihatan diri termasuk aspek fizikal manusia.

Berdasarkan hadis yang dikemukakan menunjukkan bahawa Islam menitik beratkan aspek pembangunan fizikal. Keseimbangan aspek fizikal pada diri seseorang insan berkait rapat dan menyumbang terhadap kekukuhan pembangunan jati diri seseorang insan.

#### 4. Rasulullah SAW Role Model Pembinaan Jati Diri Insan

Rasulullah SAW adalah role model yang unggul bagi seluruh manusia. Kesempurnaan keperibadian nabi SAW adalah sebaik-baik ciptaan Allah SWT untuk dicontohi oleh seluruh umat baginda saw khususnya dan umat manusia seluruhnya (Khader et. al., 2017). *Qudwah al-hasanah* yang ditunjukkan oleh baginda SAW dari segi perbuatan, percakapan dan suruhan unggul menjadi ikutan umat sepanjang zaman. *Qudwah* menurut Al-Ba‘labaki (2003) bermakna memberi contoh, teladan, dan model kehidupan manakala perkataan *al-hasanah* bererti yang baik. Gabungan perkataan *qudwah* dan *al-hasanah* didefinisikan sebagai menjadi contoh teladan yang baik.

Pembinaan jati diri umat yang dilaksanakan oleh baginda SAW memberi tumpuan terhadap pembangunan aspek spiritual dan fizikal seseorang. Keseimbangan pembangunan kedua elemen ini menyumbang terhadap penyempurnaan tingkah laku manusia. Ini adalah manifestasi tujuan pengutusan baginda SAW iaitu bagi menyempurnakan akhlak umat manusia. Rasulullah SAW bersabda berkaitan keutamaan akhlak yang mulia:

عَنْ مَسْرُوقٍ قَالَ كُنَّا جُلُوسًا مَعَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو يُحَدِّثُنَا إِذْ قَالَ لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاحِشًا وَلَا مُتَفَحِّشًا وَإِنَّهُ كَانَ يَقُولُ إِنَّ خِيَارَكُمْ أَحْسَنُكُمْ أَحْلَافًا

[Abi Abdullah Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhari, Kitāb al-Adab, Bāb Ḥusn al-khuluq wa al-sakhā‘ wa mā yukrih min al-bukhl, nombor hadis 5688]

Maksudnya:

*Daripada Masrūq telah berkata: “Kami pernah duduk (sambil berbincang) bersama ‘Abdullah ibn ‘Amru, tiba-tiba beliau telah berkata: “Rasulullah SAW tidak pernah berbuat keji dan tidak pula menyuruh berbuat keji, dan sesungguhnya Baginda SAW bersabda: “Sesungguhnya sebaik-baik kalian adalah yang paling mulia akhlaknya”.*

Hadis ini membuktikan kepentingan tanggungjawab membentuk akhlak mulia dan ianya menjadi satu agenda besar dalam misi pengutusan Rasulullah SAW kepada umatnya. Ini dijelaskan dengan hadis Rasulullah SAW;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

[Ahmad ibn Hanbal al-Dhuhli, Bāqī Musnad al-Mukaththirīn, Musnad Abi Hurairah RA, nombor hadis 8729, Sahih]

Maksudnya:

*“Daripada Abū Hurairah RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik”.”*

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang terbaik bagi setiap Muslim dalam semua aspek kehidupan. Al-Quran turut menjelaskan berkaitannya menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab [33] ayat 21:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

﴿٢١﴾

Maksudnya:

*“Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW itu terdapat contoh ikutan yang baik buat kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan rahmat Allah SWT dan (kedatangan) hari akhirat, serta yang banyak mengingati Allah.”*

Ayat ini merupakan dalil yang paling kuat supaya manusia meneladani Rasulullah SAW sama ada dari aspek ucapan, perbuatan atau kehidupan seharian. Allah memerintahkan manusia untuk mencontohi Rasulullah SAW dalam menghadapi musuh terutama dari aspek kesabaran, ketabahan, kegigihan, kesungguhan dan pasrah menanti kemenangan daripada Allah SWT. Ini kerana terdapat dalam kalangan mereka yang pengecut, penakut dan mudah merasa resah dan kerdil ketika berhadapan dengan musuh (Ibn Kathir, 2007) .

Akhlah ialah cerminan dari dalam diri seseorang yang mempunyai ilmu dan adab. Ilmu yang dituntut secara berterusan dapat menjana ketakwaan kepada Allah SWT dan kecintaan kepada Rasulullah SAW, sekali gus membuahkan akhlak terpuji pada diri. Sebaliknya, mereka yang tidak mempelajari ilmu berkaitan keimanan kepada Allah SWT dan menghayati akhlak Rasulullah SAW akan memiliki kemantapan jati diri yang lemah. Jiwa yang subur dengan ilmu sentiasa berusaha mencari reda Allah SWT dan berwaspada dengan peringatan azab serta hukuman ekoran perbuatan kemungkar terhadap Allah SWT dan dosa terhadap makhluk lain.

Jati diri yang mantap terbit daripada pancaran keimanan terhadap Allah SWT yang dimiliki. Rasulullah saw menjadi *role model* bagi seluruh umat manusia sebagai insan yang memiliki jati diri insan yang sangat tinggi. Rasulullah saw memiliki keimanan yang paling mantap, sentiasa taat, memelihara tingkah laku daripada terjebak ke dalam perkara kemungkar, patuh kepada hukum dan memiliki akhlak sejajar prinsip yang ditetapkan oleh Allah SWT. Islam mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan sesama manusia. Kesemua jalinan hubungan ini mencakupi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Ini memberi pengertian wujudnya pengawasan Allah SWT dalam setiap perbuatan dan tingkah laku manusia dalam kehidupan. Sentuhan akhlak terpuji mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti (Mazlina, 2018).

Nabi SAW adalah contoh ikutan bagi seluruh umat manusia iaitu sebagai seorang pemimpin, ketua tentera, pendakwah, bapa, suami dan imam (Khairul Azmi, 2016). Baginda SAW memiliki sifat kesabaran, keberanian, tetap pendirian, taat perintah Allah SWT dan memberi khidmat kepada ahli keluarga dalam kehidupan harian.



## 5. Kesimpulan

Agama Islam mengatur cara hidup manusia berdasarkan ketetapan Allah SWT menerusi al-Quran dan hadis. Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT bagi memberi panduan serta contoh ikutan yang terunggul dalam usaha pembangunan jati diri manusia. Sehubungan itu, artikel ini mengemukakan antara kaedah-kaedah dalam pembinaan jati diri insan menurut hadis. Dapatan mendapati pembangunan jati diri insan yang dibincangkan dalam hadis memberi fokus terhadap pembangunan aspek spiritual tanpa mengabaikan pembangunan aspek fizikal sejajar dengan keperluan paduan kedua unsur ciptaan manusia iaitu elemen roh dan jasad.

## Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

## Rujukan

- Abd Halim Tamuri. (2007). Islamic Education Teachers' Perceptions of the Teaching of Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education*, 36:3, 371-386, DOI: [10.1080/03057240701553347](https://doi.org/10.1080/03057240701553347).
- Abdul Kadir, F. A., Md Yusoff, Y., & Hashim, Z. (2017). Pembangunan Insan Berdasarkan Wasail Al-Tarbiyah: Kajian Terhadap Kitab Majmu'at Al-Rasail Tulisan Hasan Al-Banna. *Journal of Al-Tamaddun*, 12(2), 1-11. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol12no2.1>.
- Abdullah, F. I., Abdullah, B., & Ali, M. S. (2020). [Literature Review on Drug Addiction Treatment] Sorotan Kajian Rawatan Ketagihan Dadah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 184-192. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.468>.
- Abī Abdullah Muhammad bin Ismā' il al-Bukhari. (2001). *Sahih al-Bukhari*, Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- Abu Isa Muhd b. Isa al-Tirmidhi (1996). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Gharib al-Islami.
- Ahmad bin Hanbal (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut : Muassasah al-Risalah
- Ahmad, K., Abdullah, M., Ariffin, S., & Mohd Yusoff, M. Y. @Zulkifli. (2017). Fanatik Beragama dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh Al-Hadith: Fanatics of Religious Among Muslim Community in Malaysia: Analysis on the Understanding Base on Fiqh Al-Hadith). *HADIS*, 7(14), 39-74. <https://doi.org/10.53840/hadis.v7i14.26>.
- Al-Imām Abī al-Husāin Muslim bin al-Hajjāj. (1991). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-Ilmiah.
- Che Haslina Abdullah, (2013) *Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam*. *Jurnal Hadhari*, 5 (1). 199-213.
- Fairus Ridzuan Abd Jalil. (2014). Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Imam Fakhr Al-Din Razi Dalam Kitab Al-Nafs Wa Ar-Ruh Wa Syarh Quwahuma: Satu Cadangan Penyelidikan. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)* pada 31 Ogos 2014 di USM.
- Hafiz Zakariya. (2019). Kegemilangan Tamadun Islam dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat: The Glory of Islamic Civilization and Its Contributions in Building Western Civilization. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(2), 49-57. Retrieved from <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/31>.
- Ibn Kathir, Abū al-Fiḍā' 'Imād ad-Dīn Ismā' il ibn 'Umar (2007). *Tafsir Ibn Kathir*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Md Yusoff, Y. (2020). Bentuk-Bentuk Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders in Malaysia: A Literature Review. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 1-23. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.1>.
- Kahar, S. (2018). Pendidikan Jasmani dan Pengaruhnya Terhadap Pendidikan Islam (Tinjauan Dalam Perspektif Filsafat Pendidikan Islam, *ITQAN*, 9 (2), 61-80.
- Khairudin Shaary. (2020). *Pemakanan Halalan Toyyiban Dalam Pembangunan Keluarga Mithali*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.



- Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib & Mohd Azaharin Ismail. (2019). The Basic Philosophy And Policy In Integrated Islamic Education: Experience Of Malaysia. *Proceeding Of International Conference On Islamic Educational Management*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia .
- Masuriyati Yahya. (2017). *Elemen Tazkiyah Al-Nafs Dalam Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam: Kajian Terhadap Amalan Kerohanian Sebagai Asas Pembangunan Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)*. Tesis Doktor Falsafah: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mazlina Ismail. (2018, April 24). Akhlak Asas Bentuk Jati Diri Masyarakat . Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/416117/akhlak-asas-bentuk-jati-diri-masyarakat>.
- Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly. (2019). Pengaruh Hassan Al Banna Dalam Pembentukan Jati Diri Muslim. Kertas Kerja *Persidangan Siswazah Sains Sosial Antarabangsa Ke-6 (6th ISPC 2019)* pada 2-3 Disember 2019 di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia
- Muhd Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman. (2017). Jati Diri Manusia: Antara Islam dan Barat. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 97-109.
- Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya Sharif al-Nawawi Terjemahan dan Syarahan Mustafa 'Abdul Rahman. (1989). *Imam al-Nawawi*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Nik Abdullah, Nik Safiah and Maamor, Selamah and Abd. Wahab, Norazlina Pembangunan Belia Dari Perspektif Pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1 (2). pp. 61-76. ISSN 2462-1714.
- Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"* Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013.
- Rosni Wazir & Suriani Sudi. (2015). Kecerdasan Spiritual: Kupasan Menurut Perspektif Hadis. Kertas Kerja *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015 (IRSYAD2015)*, Kuala Lumpur, 12th – 13th October 2015
- Sofiy al-Rahman Penterjemah Mohd Darus Senawi Ali. (2014). *Al-Raheeq Al-Makhtum Sirah Rasulullah SAW*, Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Sri Budiman & Abdul Wachid Bambang Suharto. (2021). Filsafat Ilmu Pendidikan Islam Dalam Perspektif Pendidikan Jasmani. *Jurnal Ilmu Sains Sosial dan Pendidikan (JISIP)*, Vol. 5, No. 3, 505-514. <http://dx.doi.org/10.58258/jisip.v5i3.2195>
- Sulaiman @ Mohamad, A., Che Noh, N. & Jamsari, E. A. (2020). Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal: Malay-Muslim Children Identity through Early Education. *Sains Insani*, 5(2), 98-106. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.156>.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari*, 129-141.